

28/05/1999

Orang Asli perlu diberi banyak peluang

KUALA LUMPUR, Khamis - Sektor swasta diminta menyediakan lebih banyak peluang latihan amali untuk Orang Asli, terutama di bidang pembinaan, teknikal dan pertukangan, bagi menaikkan taraf sosio ekonomi masyarakat itu.

Batin Orang Asli Bukit Lanjan, Ismael Chat, berkata usaha itu dapat memastikan masyarakatnya tidak ketinggalan mengikuti pembangunan negara tanpa terlalu bergantung pada bantuan kebajikan dan ehsan kerajaan.

Menurutnya, berdasarkan latihan yang disertai 16 belia Orang Asli dalam bidang pembinaan sejak Septembar lalu, beliau yakin usaha itu dapat menjamin masa depan Orang Asli.

"Program seumpama itu perlu diperluaskan dengan sokongan kerajaan bagi menarik minat kaum Orang Asli menyertainya," katanya dalam sidang akhbar di Bukit Lanjan hari ini.

Program Kemahiran Dalam Binaan Bagi Belia Orang Asli Bukit Lanjan itu adalah usaha Saujana Triangle Sdn Bhd (Saujana) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Program membabitkan kos RM200,000 untuk jangka masa setahun dan diiktiraf oleh Akedemi Binaan Malaysia (CIDB) itu, memberi sijil kelayakan Peringkat I kepada peserta selepas menamatkan latihan.

Antara lain, belia Orang Asli yang terbabit dalam program itu menjalani latihan amali menerap batu bata, melepa, memasang jubin, memandu jentera jengkaut, memasang paip dan pertukangan kayu.

Kumpulan 16 pelatih yang sudah menamatkan tiga bidang kemahiran - menerap batu bata, melepa dan memasang jubin - itu akan menerima sijil mereka daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila Perdana Menteri mengadakan lawatan kerja ke bengkel itu pada 22 Jun ini.

Bengkel latihan itu adalah sebahagian pakej bantuan bernilai RM60.9 juta yang disediakan oleh Saujana, anak syarikat Kumpulan Emkay, sebagai pampasan untuk pengambilan tanah dan kebun milik Orang Asli Bukit Lanjan.

Pakej bantuan itu dipersetujui oleh masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan. Satu Memorandum Persefahaman antara pemaju, JKKK dan kerajaan negeri Selangor ditandatangani pada 28 November 1998.

Saujana akan membangunkan kawasan, perumahan, rekreasi, perniagaan dan perindustrian bersepadu di lokasi seluas 262 hektar yang turut merangkumi 67 hektar kawasan perkampungan dan kebun Orang Asli.

Sementara itu, Ketua Unit Pembangunan Hal Ehwal Orang Asli Saujana, Wan Rashidi Wan Ibrahim, berkata pelatih yang berjaya dalam program kemahiran binaan akan diberi keutamaan untuk bekerja di syarikat itu.

"Semua kontraktor yang bekerja untuk Emkay juga disyaratkan mengambil pekerja Orang Asli ini bagi membantu mereka memperluaskan pengalaman dan meningkatkan kemahiran dengan bekerja di tapak binaan sebenar.

"Kesemua pelatih menerima bimbingan fasilitator CIDB yang menekankan latihan praktikal berdasarkan kecenderungan masyarakat Orang Asli yang lebih menggemari kerja amali berbanding teori," katanya.

Wan Rashidi berkata, langkah menyediakan kemahiran itu adalah persiapan kepada belia Orang Asli menghadapi dunia moden apabila berlaku proses perpindahan daripada cara hidup kampung kepada corak hidup bandar.

(END)